

Pengganti PM laksana corak wawasan sendiri

BH 3 1 AUG 2001

Oleh Wan Hazmir Bakar

PETALING JAYA, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak akan campur tangan dalam urusan pentadbiran penggantinya, termasuk menjadi penasihat atau menteri kanan selepas bersara kelak.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya beliau akan membiarkan penggantinya melaksanakan corak kepemimpinan serta wawasan sendiri.

“Saya akan biarkan pengganti saya memilih cara sendiri. Saya tidak berniat untuk menjadi penasihat, saya juga tidak berniat untuk menjadi menteri kanan,” katanya pada sesi soal jawab pada Forum Jamuan Tengahari Bersama Perdana Menteri, Per-

Dr Mahathir tidak akan menjadi penasihat atau menteri kanan selepas bersara

satuan Oxford dan Cambridge Malaysia, di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya sama ada beliau akan membiarkan penggantinya mengambil pendekatan pentadbiran berbeza daripada corak kepemimpinan yang beliau laksanakan selama 20 tahun menerajui kerajaan.

Hadir sama pada majlis itu ialah Raja Muda Perak, Raja Nazrin Sultan Azlan Shah dan Presiden Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia, Tan Sri Abdullah Ahmad.

Dalam ucapannya sebelum itu, Perdana Menteri

mengupas perubahan sosio ekonomi dunia daripada zaman feudalisme hingga ke era globalisasi serta kesannya terhadap masyarakat dunia.

Dr Mahathir berkata, sejarah membuktikan perubahan yang dibawa itu tidak semestinya membawa kepada kebaikan dan tiada satu sistem ekonomi yang baik untuk semua negara.

Ditanya perubahan yang dialami Malaysia selama beliau memimpin negara, Dr Mahathir berkata perubahan terbaik dilakukan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman,

yang memilih sistem ekonomi pragmatik bagi Malaysia.

Katanya, sistem ekonomi pasaran bebas yang digabungkan dengan ekonomi terancang serta penwujudan syarikat milik kerajaan yang dilaksanakan negara sejak mencapai kemerdekaan berjaya membangunkan ekonomi Malaysia.

“Dasar ekonomi yang pragmatik inilah yang membawa kejayaan kepada Malaysia,” katanya.

Mengenai perubahan terburuk yang dialami negara pula, Dr Mahathir berkata ia mungkin dasar kerajaan mewujudkan kesaksamaan di antara kaum serta jaminan keselamatan kepada rakyat.

Katanya, akibat daripada usaha itu, wujud golongan yang tidak mahu berusaha, sebaliknya bergantung ke-

pada kerajaan dan rakyat juga tidak sedar mereka sebenarnya menghadapi pelbagai ancaman.

“Mungkin usaha itu dilaksanakan secara keterlaluan..itulah yang kita sedang perbetulkan.

“Ia bukan sebenarnya silap saya dan saya fikir ia suatu yang baik, tetapi tindak balas daripadanya tidak seperti yang diharapkan,” katanya.

Ditanya ramalan beliau mengenai kehancuran sistem ekonomi dunia sekarang, Dr Mahathir berkata beliau bimbang masyarakat dunia hanya akan sedar keburukannya apabila semua menerima akibatnya seperti mana sistem ekonomi sebelum ini.

Katanya, beliau bernasib baik dapat melihat kenyataan kerana beliau bukan dilatih sebagai ahli ekonomi yang terkongkong de-

ngan teori lapok dalam buku ekonomi.

Merujuk pengalaman beliau memulihkan ekonomi negara dengan cara tersendiri ketika krisis kewangan lalu, Dr Mahathir berkata Malaysia tentunya tidak akan pulih jika ke-

rajaan mengikut cadangan Menteri Kewangan pada masa itu.

Perdana Menteri berkata, beliau mempersoalkan kewajaran pengurangan perbelanjaan kerajaan serta meningkatkan kadar faedah bank kerana ber-

pendapat cadangan itu akan merosakkan lagi ekonomi negara.

“Cadangan itu adalah apa yang IMF (Tabung Mata Wang Antarabangsa) beritahu dia dan itulah apa yang dia nak laksanakan,” katanya.